

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

SOALAN :

YB Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan laporan audit agihan sumbangan mangsa banjir 2015 memandangkan terdapat dakwaan wujud *Double Standard* dalam pengagihan serta juga dapat membongkar sebarang bentuk penyelewengan dan ketirisan, jika ada, yang berlaku sepanjang proses pembahagian agihan bantuan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Audit Negara merupakan salah satu agensi yang terlibat dalam Jawatankuasa Integriti Pengurusan Tabung dan Dana Banjir bersama Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Jabatan Audit Negara telah membentangkan laporan hasil pemerhatian audit terhadap pengagihan sumbangan mangsa banjir di Negeri Kelantan kepada pihak PAC.

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah pun membincangkan mengenai agihan sumbangan mangsa banjir 2015 dengan memanggil Ketua Pengarah Keselamatan Negara dan Kementerian Kewangan Malaysia pada 30 Mac 2015.

Sekian. Terima kasih.